

PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 1

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

OGOS 2025
1 1/4 JAM

Nama Murid :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2025

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1

MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab **Semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah di buat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak

1 Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?

- A Pembekal
- B Pihak bank
- C Pihak pengurusan
- D Pemegang saham

2 Maklumat berikut berkenaan Kedai Runcit Sinar

Pemilik telah merekodkan belanja utiliti RM1 100 termasuk utiliti belum bayar RM 200 ke dalam Penyata Kewangan perniagaan.

Apakan prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
- B Kos manfaat
- C Entiti berasingan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

3 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis MYA

Membayar hutang kepada Pembekal Alat Tulis Nur sebanyak RM2 200 dengan cek dan menerima diskaun RM 200

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Bertambah	Berkurang
B	Berkurang	Berkurang	Bertambah
C	Bertambah	Bertambah	Berkurang
D	Bertambah	Berkurang	Bertambah

4 Manakah dokumen bukan sumber?

- A Penyata akaun
- B Slip daftar tunai
- C Folio pelanggan
- D Makluman kredit

5 Antara berikut yang manakah direkodkan dalam Jurnal Khas?

- I Menjual barang niaga secara kredit
- II Membeli barang niaga secara tunai
- III Memulangkan barang niaga kepada pembekal
- IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6 Urus niaga yang manakah direkod dalam Buku Tunai Runcit?

- A Pembelian setem secara tunai
- B Pembelian perabot secara tunai
- C Pembayaran sewa kedai secara tunai
- D Penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima

7 Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Dobi Wangi.

Pemilik menggunakan wang pinjaman peribadi untuk membayar sewa kedainya secara tunai

Catatan bergu yang manakah betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Pinjaman
B	Tunai	Pinjaman
C	Tunai	Modal
D	Sewa	Modal

8 Maklumat berikut diperoleh daripada buku peniagaan Sinaran Enterprise pada Mei 2025.

Akaun Kawalan Belum Terima					
Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	RM
2025			2025		
Mei 1	Baki b/b	5 200	Mei 31	Pulangan jualan	500
31	R	3 300		Bank	7 000
				S	1 000
		8 500			8 500

Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Hutang lapuk	Diskaun diberi
B	Hutang lapuk	Jualan
C	Jualan	Kontra
D	Jualan	Diskaun diterima

9 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Runcit Iman

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (Petikan)		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	56 000	
X	2 000	
Modal		100 000
Y		2 400

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Pulangan belian	Komisen
B	Pulangan jualan	Deposit sewa diterima
C	Alatan pejabat	Faedah atas pinjaman
D	Peruntukan hutang ragu	Susut nilai terkumpul perabot

- 10 Kad inventori berikut diperolehi daripada Pembekal Kerepek Ain

Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
Kerepek pisang	5 600	5 800
Kerepek ubi	4 900	4 400
Kerepek bawang	3 100	3 200

Berapakah nilai inventori akhir pada 30 Jun 2025?

- A RM13 100
B RM13 400
C RM13 600
D RM13 900
- 11 Dalam catatan penutupan, jualan yang diterima akan dipindahkan ke dalam...
- A Akaun Modal
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Perdagangan
D Penyata Kedudukan Kewangan
- 12 Untung kasar yang diperolehi oleh Bengkel Kereta Aizad ialah RM15 700. Berikut hasil dan belanja yang di tanggung oleh Bengkel Kereta Aizad.

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Sewa		1 100
Gaji	5 000	
Diskaun	600	480

Berapakah untung bersih yang diperolehi pada akhir tempoh perakaunan itu?

- A RM8 520
B RM11 680
C RM19 720
D RM22 800
- 13 Nyatakan maksud perakaunan asas tunai.
- A Hasil dan belanja direkodkan apabila tunai diterima atau pembayaran tunai dibuat.
B Hasil dan belanja direkodkan dalam tempoh diperolehi atau dalam tempoh dibelanjakan.
C Hasil belum terima tidak akan diiktiraf sebagai hasil.
D Belanja prabayar diiktiraf sebagai belanja.

- 14 Sewa tahunan yang ditetapkan bagi premis Perniagaan Kayla ialah RM8 400 setahun. Pada akhir tempoh perakaunan perniagaan telah menjelaskan RM7 700 sebagai bayaran sewa. Manakah catatan yang betul?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Sewa RM7 700	Sewa Prabayar RM 700
B	Sewa RM7 700	Sewa Belum Bayar RM 700
C	Sewa RM8 400	Sewa Belum Bayar RM 700
D	Sewa RM8 400	Sewa Belum Terperoleh RM 700

- 15 Berikut Imbangan Duga Perniagaan Hiasan Rumah Qistina.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	14 800	
Peruntukan Hutang Ragu		296

Maklumat Tambahan:

- Hutang lapuk dihapuskira RM 800.
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima Bersih.

Manakah catatan yang betul?

- A Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- | | | |
|-------------|-----|----|
| | RM | RM |
| Hutang Ragu | 264 | |
- B Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- | | | |
|--|----|-------------|
| | RM | RM |
| | | Hutang Ragu |
| | | 264 |
- C Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- | | | |
|-------------|-----|----|
| | RM | RM |
| Hutang Ragu | 560 | |
- D Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- | | | |
|--|----|-------------|
| | RM | RM |
| | | Hutang Ragu |
| | | 560 |

- 16 Pada 1 Julai 2023, sebuah kenderaan dibeli dengan harga RM126 000. Kadar susut nilai bagi kenderaan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun. Hitung nilai buku kenderaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.
- A RM101 430
 - B RM107 100
 - C RM107 730
 - D RM113 400
- 17 Pada 1 Mac 2022, Time Tech Sdn. Bhd. telah membeli sebuah mesin pembancuh simen pada harga RM60 000. Mesin tersebut disusut nilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 30 Jun 2024, mesin tersebut telah dijual dengan harga RM RM45 500. Tahun kewangan berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Hitung untung atau rugi atas pelupusan mesin tersebut.
- A Untung RM5 600
 - B Untung RM6 500
 - C Rugi RM5 600
 - D Rugi RM6 500
- 18 Apakah yang dimaksudkan dengan hutang lapuk terpulih?
- A Hutang yang telah dihapuskan
 - B Hutang yang tidak dapat dikutip
 - C Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip
 - D Hutang yang telah diterima semula setelah dihapuskan
- 19 Tempoh perakaunan bagi Syarikat Setia Jaya Berhad berakhir ialah 30 September setiap tahun. Sewa RM62 400 diterima sehingga 31 Disember 2024. Apakah catatan yang dibuat di Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2024?
- A Sewa Prabayar
 - B Sewa Belum Bayar
 - C Sewa Belum Terima
 - D Sewa Belum Terperoleh
- 20 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Amira. Jualan secara tunai telah dikreditkan di Buku Tunai dan telah didebitkan dalam Akaun Jualan. Apakah jenis kesilapan tersebut?
- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan terbalik
 - C Kesilapan komisen
 - D Kesilapan saling mengimbangi

- 21 Selepas pembetulan kesilapan, baki akhir akaun belanja susut nilai Lengkapan meningkat sebanyak RM1 500.
- Apakah kesan pembetulan ini terhadap penyata kewangan?
- A Untung bersih bertambah
 - B Untung bersih berkurang
 - C Aset semasa berkurang
 - D Aset bukan semasa bertambah
- 22 Nisbah semasa dalam analisis kewangan menunjukkan ...
- A berapa kali aset bukan semasa ditukar kepada tunai
 - B keupayaan syarikat menjana keuntungan
 - C keupayaan syarikat membayar hutang jangka panjang
 - D keupayaan syarikat membayar liabiliti semasa dengan aset semasa
- 23 Mengapakah kaedah perbandingan digunakan dalam rekod tak lengkap?
- A Menilai inventori akhir secara fizikal
 - B Mencari jumlah aset semasa perniagaan
 - C Mengira untung atau rugi apabila catatan lengkap tidak tersedia
 - D Menganggarkan jumlah belian sepanjang tahun
- 24 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud kadar pusing ganti inventori yang tinggi?
- A Modal yang terikat pada inventori amat tinggi
 - B Tukar ganti inventori terlalu kerap
 - C Terlalu lama inventori disimpan dalam stor
 - D Perniagaan tidak berupaya menjual barangannya
- 25 Antara berikut, yang manakah merupakan aspek kawalan dalam pengendalian tunai?
- A Semua pekerja diberi akses peti tunai
 - B Semua pembayaran dibuat secara tunai sahaja
 - C Menyimpan wang hasil jualan selama seminggu sebelum didepositkan
 - D Merekod semua transaksi tunai dalam buku tunai dengan bukti yang sah
- 26 Perniagaan mendapati bahawa deposit tunai RM2 300 telah direkodkan dalam buku tunai tetapi belum direkodkan dalam Penyata Bank.
- Bagaimanakah item ini dicatatkan dalam Penyata Penyesuaian Bank yang bermula dengan baki di Penyata Bank?
- A Ditolak daripada baki buku tunai
 - B Ditambah kepada baki buku tunai
 - C Ditambah kepada baki penyata bank
 - D Ditolak daripada baki penyata bank

27 Perniagaan menjangka jualan tunai RM15 000 dan jualan secara kredit RM10 000 bagi bulan Ogos. Hanya 40% jualan kredit dijangka di terima dalam bulan yang sama.

Berapakah jumlah penerimaan tunai bulan Ogos?

- A RM25 000
- B RM19 000
- C RM15 000
- D RM4 000

28 Apakah kadar pembahagian untung atau rugi antara rakan kongsi menurut Akta Perkongsian 1961?

- A Mengikut jumlah modal yang disumbangkan
- B Sama rata antara semua rakan kongsi
- C Mengikut pembahagian nisbah
- D Mengikut hierarki pengurusan

29 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian AuReen.

	RM
Untung bersih	48 000
Gaji Auni	10 000
Faedah atas modal Auni	3 000
Faedah atas modal Reen	3 000
Faedah atas ambilan Auni	830
Faedah atas pinjaman Reen	1 500

Berapakah untung perkongsian boleh agih dalam akaun pengasingan untung rugi?

- A RM31 330
- B RM32 830
- C RM34 330
- D RM43 170

30 Butiran yang manakah terdapat dalam akaun semasa pekongsi?

- I Untung bersih
 - II Pinjaman
 - III Gaji pekongsi
 - IV Ambilan
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

31 Rina, seorang rakan kongsi dalam Perkongsian R&J telah mengambil alih inventori berkos RM14 000 dengan nilai RM12 000 semasa pembubaran perkongsian.

Apakah catatan yang direkodkan dalam Jurnal Am bagi urus niaga tersebut?

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	Akaun Modal Rina Akaun Realisasi	12 000	12 000
B	Akaun Realisasi Akaun Modal Rina	14 000	14 000
C	Akaun Modal Rina Akaun Inventori	14 000	14 000
D	Akaun Realisasi Akaun Inventori	12 000	12 000

32 Syer yang dimiliki oleh Puan Salina mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- Kadar dividen tidak tetap
- Tidak menerima tunggakan dividen
- Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan

Apakah jenis syer tersebut?

- A Syer Khas
B Syer Biasa
C Syer Luar Biasa
D Syer Keutamaan

33 Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Nami Berhad pada 30 Jun 2024?

Syarikat Nami Berhad Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 Jun 2024	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
400 000 unit 6% Syer Keutamaan	400 000
1 000 000 unit Syer Biasa	500 000
	900 000

Berapakah harga satu unit Syer Biasa?

- A RM 0.25
B RM 0.50
C RM 1.20
D RM 2.50

- 34 Syarikat Jameela Berhad telah menerbitkan 60 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM 2.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh oleh orang ramai.

Jadual dibawah ini menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun 2022 hingga 2024

Tahun	Keuntungan (RM)
2022	11 000
2023	6 000
2024	20 000

Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh pemegang Syer Keutamaan pada tahun 2024 ?

- A RM6 000
B RM9 600
C RM13 200
D RM20 000
- 35 Apakah sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan?
- A Yuran masuk
B Yuran keahlian
C Yuran pertandingan
D Kutipan jualan pestaria
- 36 Apakah butiran yang dicatatkan di bahagian kredit Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi kelab dan persatuan?
- I Honorarium
II Yuran masuk
III Yuran pertandingan
IV Penyelenggaraan gelanggang
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

- 37 Maklumat berkaitan aset dan liabiliti berikut adalah bagi Kelab Bola Sepak Kampung Setia pada 1 Jun 2025?

	RM
Rumah kelab	78 500
Akaun Belum Bayar Kedai Bola Sepak	1 700
Inventori Kedai Bola Sepak	2 200
Akaun Belum Terima Kedai Bola Sepak	1 200
Yuran belum terima	550
Yuran belum terperoleh	260
Tunai di bank	7 850
Kadar bayaran belum bayar	250

Berapakah dana terkumpul pada 1 Jun 2025?

- A RM92 510
 - B RM88 090
 - C RM88 590
 - D RM87 510
- 38 Kilang Elektronik Alpha Berhad membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM7 000 sebulan.

Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Kos prima
- B Kos berubah
- C Kos overhead
- D Kos buruh langsung

- 39 Maklumat yang berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Kilang City Sdn. Bhd.

	RM
Inventori awal bahan langsung	12 500
Inventori akhir bahan langsung	10 300
Belian bahan langsung	45 600
Pulangan belian bahan langsung	1 200
Angkutan masuk bahan langsung	3 500
Belanja langsung	8 500
Buruh langsung	24 000

Maklumat Tambahan

- i. Inventori akhir bahan langsung terlebih nilai RM1 430.
- ii. Buruh langsung termasuk gaji pengurus kilang RM6 000

Berapakah kos prima?

- A RM76 600
- B RM78 030
- C RM79 460
- D RM82 600

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan kerepek pisang yang dikeluarkan oleh Kerepek House.

Kos berubah seunit	RM 1.70
Harga jualan seunit	RM 2.50
Titik pulang modal	3 000 unit

Berdasarkan maklumat di atas, jika perniagaan ingin menjual 8 000 unit, berapakah untung yang akan diperolehi?

- A RM1 600
- B RM2 400
- C RM4 000
- D RM6 200

KERTAS TAMAT